

Mhi
Sejak 1982

ملاك هاري اين
MELAKA HARIINI



Zaidi
SUK
Melaka
yang
baharu



3

>> Melaka terima pelaburan RM1 bilion, terpilih sebagai tapak kilang pemasangan kereta elektrik (EV) pertama di Malaysia



2

Model kereta elektrik Eado EV460 yang dijangka akan dipasang syarikat Fieldman EV Sdn Bhd.

Kereta elektrik pertama Malaysia:

- | | |
|-----------------------------------------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Model: Eado EV series | Badan kenderaan: 4 pintu, 5 tempat duduk |
| Komponen: Bateri, sistem pacuan bermotor (motor drive), Battery Management System (BMS) | Panjang: 4,740 mm |
| Kapasiti bateri: 52.56 kWh (pengecasan pantas 0-80 peratus sekitar 50 minit) | Lebar: 1,820 mm |
| Motor elektrik hadapan: 136 PS (134 hp atau 100 kW) dan tork 245 Nm | Tinggi: 1,515 mm |
| Jarak perjalanan: Sehingga 460km (apabila meluncur sekata, dicaj penuh) | Harga: Dianggarkan RM120,000 - RM150,000 |
| | Kenapa kereta elektrik? <ul style="list-style-type: none">● Teknologi baharu● Jimat kos operasi● Jimat kos selenggara |

“ Kejayaan syarikat FEV bakal memberi manfaat jangka masa panjang dengan memantapkan lagi perembangandan industri automotif di Melaka. ”

- Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali

Fokus: Cakna banjir gelombang kedua

4,6,8&9

JAIM serbu hotel bajet

20

Apek, Ott ucap selamat tinggal

24

Kilang pemasangan kereta elektrik pertama negara Melaka terima pelaburan RM1 billion

Fiqah Jamal

SERI NEGERI - Melaka menerima pelaburan baharu bernilai RM1 bilion dari sebuah syarikat Bumiputera tempatan, Fieldman EV Sdn Bhd (FEV) untuk membina kilang pemasangan kilang kereta elektrik pertama di negara ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata kilang yang akan dibangunkan di Kawasan Perindustrian Elkay Lipat Kajang itu akan dibina di atas tapak seluas kira-kira 202 hektar (500 ekar).

Katanya, pembinaan kilang itu akan membuka 5,000 peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan selepas projek pembinaan itu siap tidak lama lagi.

"Kerajaan negeri mengalu-alukan kerjasama dengan syarikat FEV ini kerana bakal memberi manfaat jangka masa panjang dengan memantapkan lagi perkembangan industri automotif di Melaka.

"Ia sekali-gus dapat mewujudkan industri hiliran dalam kalangan industri automotif tempatan, pemindahan teknologi kereta elektrik dan meningkatkan lagi ekonomi negeri Melaka.



SULAIMAN (kiri) dan Ab Rauf (kanan) menunjukkan tanda bagus dalam majlis penyerahan kereta elektrik oleh FEV di Seri Negeri.

"FEV telah membuat pelan jangka masa panjang bagi tempoh tujuh tahun bermula tahun 2018 hingga 2026 di mana bakal mene-

rajui perkembangan teknologi dan pemasangan kereta elektrik di Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian

dalam sidang media selepas Majlis Penyerahan Kereta Elektrik dan Beca Elektrik daripada syarikat FEV kepada kerajaan negeri di

sini, 4 Jan lalu.

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts Kamel Mohamad, Exco Kanan Pelaburan negeri, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, Exco Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Abdul Razak Abdul Rahman dan Pengarah Urusan Syarikat FEV, Razmi Shah Othman.

Dalam pada itu, kerajaan negeri menyerahkan sebuah kereta beca elektrik kepada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bagi tujuan kajian dan penyelidikan.

"Kita akan menyerahkan satu unit kereta dan beca elektrik yang diberikan hari ini kepada UTeM bagi tujuan penyelidikan dan kajian kenderaan elektrik kepada pelajar-pelajar untuk mereka melihat perkembangan terbaru ini," katanya.

Untuk rekod, Syarikat FEV yang merupakan anak syarikat Fieldman Sdn Bhd ditubuhkan pada April 2019 dan berjaya mendapat hak eksklusif pengedaran kereta elektrik di Malaysia dan pasaran ASEAN dari syarikat automotif China, Changan Automobile Corporation.

Mula operasi 2024, jangka hasilkan 7,000 unit EV setahun

AYER KEROH - Kilang Pemasangan kereta elektrik (EV) pertama di Malaysia dijangka akan beroperasi seawal suku ketiga

tahun 2024.

Pengarah Eksekutif Fieldman EV Sdn Bhd (FEV), YM Raja Azmil Shahril Raja Sulong Hiza-

har berkata, buat masa ini, proses penamaan tanah di kawasan perindustrian Elkay, Lipat Kajang, Jasin sedang dilakukan dalam tempoh masa tiga bulan ini.

Katanya, selepas penamaan tanah, proses kelulusan akan diberi oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM) bagi pelan pembangunan yang melibatkan dua segmen di atas tanah terbabit.

"Antara segmen pertama ialah plot industri yang akan merangkumi fasiliti pengeluaran kereta elektrik utama, pusat kajian dan pembangunan (Research and Development), makmal ujian, test track, kilang-kilang sekunder (local vendor content), 'body-paint repair' serta Pusat Inovasi kereta elektrik.

"Manakala bagi segmen kedua, plot pembangunan bersepadu yang akan mempunyai lot komersil dan perumahan untuk kakitangan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, sebaik beroperasi untuk dua tahun pertama, kilang itu dijangka mampu menghasilkan 5,000 hingga 7,000 unit setahun secara konservatif.

"Jumlah itu dijangka akan ditingkatkan kepada 12,000 hingga 20,000 unit bagi tiga tahun berikutnya," katanya.



SULAIMAN dan Rauf melihat spesifikasi kenderaan elektrik yang akan dihasilkan di kilang pemasangan yang dibina di Kawasan Perindustrian Elkay, Lipat Kajang.



RAJA AZMIL SHAHRIL

berbanding 2005.

"Selain itu, hampir semua pengeluar kereta utama dunia, telah meletakkan sasaran 2025 – 2040 untuk menghentikan pengebuatan enjin pembakaran dalam (ICE) dan beralih kepada teknologi elektrik," ujarnya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, setiap seorang Jelap/Recara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

10 - 16 Januari 2022 (07 - 13 Jamadilakhir 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10 JANUARI 2022	6.06 am	7.19 am	1.21 pm	4.44 pm	7.20 pm	8.34 pm
11 JANUARI 2022	6.07 am	7.20 am	1.21 pm	4.44 pm	7.20 pm	8.34 pm
12 JANUARI 2022	6.07 am	7.20 am	1.21 pm	4.45 pm	7.21 pm	8.34 pm
13 JANUARI 2022	6.07 am	7.20 am	1.22 pm	4.45 pm	7.21 pm	8.35 pm
14 JANUARI 2022	6.08 am	7.21 am	1.22 pm	4.45 pm	7.21 pm	8.35 pm
15 JANUARI 2022	6.08 am	7.21 am	1.23 pm	4.46 pm	7.22 pm	8.35 pm
16 JANUARI 2022	6.09 am	7.21 am	1.23 pm	4.46 pm	7.22 pm	8.36 pm



SULAIMAN menyampaikan watikah pelantikan Ahli Majlis Perundingan Belia di Hotel Mudzaffar, Ayer Keroh, 3 Jan lalu.

DUN belia akan direalisasikan - KM

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Kerajaan negeri akan realisasikan kewujudan Dewan Undangan Negeri (DUN) belia bagi merancakkan lagi aktiviti-aktiviti melibatkan belia di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, pengwujudan DUN Belia itu berfungsi seperti Parlimen Belia seperti yang terkandung di dalam Manifesto BN.

"Dalam manifesto kita sebelum ini belia di galakkan diberi tempat di dalam kerajaan dan kita juga bakal menubuhkan DUN belia Negeri Melaka seperti mana yang terkandung di dalam kita punya manifesto."

"Saya dah maklumkan tadi dengan pen- garah belia dan sukan negeri dengan Presiden Belia Melaka kaedah bagaimana kita memperhalusi untuk kita adakan DUN belia Melaka."

"Fungsinya samajuga seperti mana parlimen belia dan setiap kawasan mesti diwakili oleh satu belia DUN, mereka juga ada portfolio yang terda-

pat dalam kerajaan negeri, mereka juga akan melantik Speaker dan Timbalan Speaker seperti terdapat dalam DUN Melaka," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Negeri Melaka Sidang 1 Penggal Ke-33 Sesi 2021-2022 di Hotel Mudzaffar di sini, 3 Jan lalu.

Pada masa sama, Sulaiman telah mengadakan perbincangan bersama Jabatan Belia dan Sukan (JBS) negeri untuk berbincang bersama pihak berkuasa tempatan (PBT) mewujudkan lebih banyak kawasan belia.

"Kita boleh perbanyakkan lagi kawasan-kawasan belia di Negeri Melaka untuk mereka beriadah, bersukan, berniaga di kawasan PBT, berbusker, melukis dan sebagainya."

"Kaedah pemilihan DUN belia kita serahkan kepada JBS, yang mana dia pegang jawatan sebagai ahli majlis kita bagi peluang kepada orang lain untuk menjadi DUN belia," katanya.

KM dijangka sampaikan Amanat 2022, Isnin

SERI NEGERI - Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dijangka menyampaikan Amanat 2022 kepada penjawat awam negeri pada Isnin (10 Jan).

Majlis amanat 2022 itu akan diadakan di Auditorium Seri Negeri.

Difahamkan majlis itu akan diadakan secara hibrid bagi mematuhi prosedur operasi standard (SOP) mengekang penularan COVID-19.

Namun, ia bakal dihadiri oleh semua kepimpinan tertinggi negeri dan penjawat awam negeri sama ada secara fizikal atau maya.

Amanat 2022 itu dijangka akan memfokuskan kepadagerak kerja sepanjang tahun 2022.

Selain itu, ia juga bakal menekankan pelaksanaan dan penyampaian maklumat ke-



SULAIMAN

pada rakyat bersempena Bajet 2022 Negeri Melaka yang telah dibentangkan 27 Dis lalu.

Antara lain, Sulaiman juga dijangka menyeru penjawat awam untuk mempertingkatkan kualiti kerja dalam memastikan kebijakan rakyat terus terbaik.

MAIM, Bukit Kenyalang Development meterai JV projek perumahan

SERI NEGERI - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) dan Bukit Kenyalang Development Sdn Bhd, memeterai Perjanjian Usahasama (JV) bagi cadangan pembangunan perumahan di negeri ini.

Perjanjian itu disaksikan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Bilik Bijasura, Seri Negeri pada 4 Jan lalu.

Menurut Sulaiman pembangunan perumahan itu melibatkan atas Lot PR 1652 Mukim Ayer Panas Jasin, merangkumi projek rumah banglo satu tingkat, rumah teres satu tingkat, rumah berkembar satu tingkat dan rumah teres dua tingkat.

Dalam majlis itu, MAIM diwakili Timbalan Pengerusinya, Datuk Wira Md Rawi Mahmud dan Setiausaha, Muhammad Ikram Ibrahim, manakala Kenyalang Development Sdn Bhd diwakili dua Pengarahnya, Rex Poh Thian Wei dan Roland Heng Aik Leong.

Zaidi SUK Melaka yang baharu

Farah Suhaidah Othman

SERI NEGERI - Kerajaan negeri Melaka mengumumkan Datuk Zaidi Johari sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri yang baharu berkuatkuasa, 5 Jan lalu.

Zaidi, bekas Pegawai Kewangan Negeri, mengangkat sumpah jawatan dan sumpah simpan rahsia di hadapan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Bilik Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN).

Majlis itu turut disaksikan oleh barisan Exco Kerajaan Negeri.

Zaidi menggantikan Datuk Ts Kamel Mohamad yang memegang jawatan itu sejak Ogos tahun lalu.

Sulaiman dalam catatan Facebooknya mengucapkan setinggi tahniah atas pelantikan itu dan berharap Zaidi dapat menabur khidmat bakti terhadap kerajaan dan rakyat negeri.

"Sekali lagi, tahniah kepada YB Datuk Zaidi. Selamat menabur khidmat bakti kepada kerajaan negeri Melaka dan rakyat negeri Melaka," katanya.



ZAIDI mengangkat sumpah jawatan dan simpan rahsia di hadapan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali di Bilik Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri (MMKN).



SULAIMAN (tengah) menyaksikan pemeterai JV antara MAIM dan Bukit Kenyalang Development Sdn Bhd di Seri Negeri.

RM8j pelan jangka pendek atasi banjir di Melaka - PM



Fiqah Jamal

DURIAN TUNGGAL - Kerajaan persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM8 juta bagi pelan jangka pendek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Melaka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata projek-projek RTB itu akan mula dilaksanakan segera selepas banjir surut di Melaka.

"(Berhubung) RTB jangka pendek di Melaka, Ketua Menteri (Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali) telah hantar permohonan dan telah diluluskan sebanyak RM8 juta jumlah peruntukan.

"Kalau boleh disegerakan pembinaan RTB terbabit selepas air banjir surut di kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti.

"Pembinaan jangka pendek akan dibuat dengan kadar segera," katanya pada sidang media selepas melawat mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Gangsa, di sini, 4 Jan lalu.

Hadir sama, Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Kamel Mohamad serta lain-

lain kenamaan.

Mengulas lanjut, Ismail Sabri berkata, semua rakyat Malaysia yang terjejas dengan bencana banjir akan menerima bantuan wang ihsan bernilai RM 1,000 yang diumumkan kerajaan.

Menurutnya, setakat 4 Jan, hampir 70 peratus mangsa banjir sudah menerima bantuan berkenaan yang mana ia dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam masa terdekat.

"Bagi pasca banjir, saya telah umumkan macam-macam insentif tapi tidak cukup dengan penggunaan sahaja, kita perlukan pelaksanaan juga.

"Rakyat sudah susah, jadi kerajaan perlu per mudahkan urusan pemberian wang ihsan bencana banjir ini, sebelum fokus isu-isu lain," katanya.

Terdahulu, Ismail Sabri dan Sulaiman sempat menyantuni mangsa banjir di dua buah PPS di negeri ini iaitu PPS SK Gangsa dan PPS SMK Seri Pengkalan.

Dalam kunjungan itu, beliau turut menyampaikan sendiri bantuan wang ihsan kerajaan kepada mangsa-mangsa banjir di negeri ini.



ISMAIL Sabri bersama Sulaiman menyantuni mangsa banjir yang ditempatkan di PPS SMK Seri Pengkalan, ALor Gajah. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Banjir: Tambah siren dilengkapi amaran suara - PM

KUALA LUMPUR - Kerajaan bercadang menambah jumlah siren yang dilengkapi amaran suara di lokasi-lokasi berisiko berlakunya bencana banjir untuk mengarahkan penduduk berpendidikan.

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dalam satu kenyataan berkata ia merupakan

antara cadangan penambahan bahaya berhadapi bencana banjir yang dibincangkan dalam Mesyuarat Khas Task Force Pengurusan Pasca Banjir Bencana Monsun Timur Laut 2021/2022 (MTL 2021/2022) di pengrusikannya, 3 Jan lalu.

Beliau berkata cadangan penambahbaikan turut

meliputi Sistem Amaran Siren Banjir Berpusat di koordinasi oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta kamera litar tertutup (CCTV) di stesen pemantauan aras air supaya penduduk bersedia untuk berpindah sekiranya air berada pada paras bahaya serta ramalan cuaca berangka.

Katanya bagi meningkatkan tahap perlindungan infrastruktur saliran dan pantai, Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mencadangkan peningkatan tahap perlindungan/kala ulangan reka bentuk infrastruktur saliran dan pantai daripada 100 tahun Average Recurrence Interval (ARI) kepada 200 tahun ARI.

Selain itu, mesyuarat juga meneliti cadangan berhubung penambahbaikan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) menerusi aktiviti-aktiviti latih amal banjir dan maklumat yang dihebah Kementerian Komuni-

kasi dan Multimedia Malaysia (KKMM).

"Kluster komunikasi strategik yang diteraju KKMM aktif melaksanakan hebatan maklumat sejak bermulanya MTL 2021/2022 dan usaha dipergiatkan sejak jangkaan akan berlaku gelombang kedua bagi memastikan penduduk khususnya dan negara amnya bersedia agar keadaan lebih terkawal," katanya.

Beliau berkata strategi komunikasi melibatkan promosi hebatan amaran dan situasi semasa, hebatan bantuan-bantuan kerajaan, mengenal pasti isu berbangkit dan ditangani bersama pelbagai agensi

serta usaha-usaha mengejan berita palsu dan segera menyiaran penafian.

Menurutnya platform yang digunakan adalah media massa, media sosial, saluran Jabatan Penerangan, turun padang, advokasi, penerbitan dan usaha-usaha libat urus.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata pelaksanaan semua inisiatif Pasca Banjir Bencana MTL 2021/2022 akan sentiasa dipantau Task Force bagi memastikan mekanisme kesiapsiagaan dan pengurusan bencana negara sentiasa diperkemas dan berada pada tahap optimum. - BERNAMA



KEADAAN jaluan yang terputus hubungan selepas ditenggelami air akibat banjir di Kampung Belimbang Dalam, Durian Tunggal. Foto: MR. AZLI

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 10 JANUARI - 13 JANUARI 2022

Ilsin
10/01/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan
Min: 24° / Maks: 32°

Selasa
11/01/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan
Min: 24° / Maks: 33°

Rabu
12/01/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan
Min: 24° / Maks: 33°

Khamis
13/01/2022

Pagi: Tiada hujan
Petang: Tiada hujan
Malam: Tiada hujan
Min: 24° / Maks: 33°



Tahniah

Kepada

YB DATUK ZAIDI BIN JOHARI

Di Atas Pelantikan Sebagai

**SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI MELAKA**

Setulus Ikhlas Daripada

**YAB DATUK SERI UTAMA
HAJI SULAIMAN BIN MD ALI**

KETUA MENTERI MELAKA

DAN

AHLI-AHLI EXCO, AHLI-AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI,

SERTA

SELURUH ANGGOTA PENTADBIRAN NEGERI MELAKA



MELAKAKU MAJU JAYA,
RAKYAT BAHAGIA,
MENGGAMIT DUNIA



Melaka tubuh jawatankuasa urus banjir di 28 JAPERUN

Fiqa Jamal

SERI NEGERI - Kerajaan negeri akan menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Banjir di setiap Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN).

Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata perkara itu bagi memudahkan urusan dalam menyampaikan bantuan di kawasan-kawasan terjejas akibat banjir.

Dalam pada itu, beliau turut mengarahkan semua projek pembangunan baharu di negeri ini dinilai semula dengan mengambil kira risiko banjir.

Beliau berkata, penilaian itu perlu mengambil kira lokasi geografi muka bumi tempat yang rendah atau 'wetland' bagi tujuan pembangunan.

Katanya, pemaju dan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta agensi berkaitan juga perlu mengambil kira aspek menyeluruh seperti sistem perparitan dan kolam takungan air.

"Penilaian dan kajian perlu dibuat sahaja di kawasan pembangunan yang dibina malah perlu juga meliputi kawasan lain dengan mengambil kira (faktor) pembeli dan penyewa tidak berdepan risiko merugikan mereka."

"Faktor taburan hujan juga perlu diambil kira, ini disebabkan cuaca tidak menentu, dahulu taburan hujan diterima sekitar 60 hingga 70 mililitar (ml) tetapi di Melaka kini hujan antara 170 hingga 200 ml," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media Post Exco di Bilik Bija-

sura, di sini, 6 Jan lalu.

Mengulas mengenai peruntukan RM8 juta yang telah diluluskan oleh kerajaan Pusat baru-baru ini bagi pembinaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) jangka pendek, Sulaiman berkata perkara itu akan dilaksanakan secepat mungkin.

"Peruntukan untuk RTB jangka masa pendek itu akan dilaksanakan secepat mungkin, selepas surut banjir sepenuhnya di Melaka."

"Pembinaan RTB jangka pendek ini akan dibina di beberapa kawasan antara 20 'hotspot' lokasi banjir di Melaka antaranya di Taman Bukit Beruang Bestari dan beberapa kawasan yang disenaraikan pendek oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)," katanya.



SULAIMAN menyantuni mangsa banjir di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SK Taman Merdeka.

Banjir: UMNO harap pengeluaran KWSP RM10,000 dipertimbangkan



PENDUDUK di Kampung Pulau Dodol hanya mampu merenung keadaan mereka yang ditenggelami air. Foto: MR. AZLI

MELAKA - UMNO menyuarakan harapan agar kerajaan mempertimbangkan permintaan rakyat agar dibenarkan pengeluaran kali terakhir caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) secara one-off sebanyak RM10,000.

Presidennya, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi berkata, ia berikutnya rakyat benar-benar berhadapan dengan kesempitan hidup akibat pandemik COVID-19 ditambah dengan terkesan musibah banjir.

Katanya, ia juga sejajar dengan ketetapan Majlis Kerja Tertinggi UMNO yang bermesyuarat pada 27 Ogos tahun lalu.

"UMNO turut menyarankan agar sidang khas Dewan Rakyat mengenai

bencana banjir diadakan bagi membolehkan wakil-wakil rakyat mengutarakan pandangan dan resah rakyat serta melontarkan cadangan-cadangan untuk membantu kerajaan mencari jalan terbaik menghadapi bencana yang berlaku," katanya dalam satu kenyataan 5 Jan lalu.

Ahmad Zahid menambah, UMNO merakamkan penghargaan di aras segala bantuan untuk mangsa banjir sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob yang boleh mencecah sehingga RM61,000 untuk satu keluarga.

"Diharapkan maklumat mengenai kaedah perlaksanaan dan penyalurannya dapat segera dimaklumkan

kepada rakyat dan dikurangkan sebarang karenah birokrasi agar prosesnya dipercepatkan," katanya.

Dalam kenyataan sama, Ahmad Zahid mewakili UMNO turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga 48 mangsa banjir yang terkorban sejak bencana berkenaan melanda beberapa buah negeri bermula pada pertengahan Dislalu.

Menurutnya, dengan angka korban yang begitu tinggi berbanding banjir besar yang pernah melanda negara pada tahun 1971 (30 orang) dan 2014 (21 orang), ia tentunya memerlukan Kerajaan Keluarga Malaysia melaksanakan segera saranan titah Yang di-Pertuan Agong agar dilakukan Post-Mortem Bencana Banjir.

Operasi pembersihan pasca banjir dimulakan

Liana Sahabudin

BATU BERENDAM - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka menggerakkan 17 kenderaan dan lima jentera bagi kerja-kerja pembersihan kawasan terjejas akibat bencana banjir di negeri ini.

Pengarah SWCorp Melaka, Khairuladha Mutalib berkata ia dilaksanakan menerusi Operasi Pembersihan Pasca Banjir yang menumpukan kawasan kerap berlaku banjir meliputi Taman Merdeka Jaya dan Taman Datuk Tambhy Chik Karim.

"Seperti sedia maklum Melaka mengalami banjir gelombang kedua dan lebih 30 kawasan terjejas, tapi untuk tumpuan pembersihan pasca banjir ini kita pergi ke 12 kawasan meliputi daerah Alor Gajah dan Melaka

Tengah.

"Aktiviti pembersihan pasca banjir kali ini kita laksanakan kerja-kerja kutipan sisa pukal pembersihan longkang, jalan dan pembersihan di rumah mangsa-mangsa yang terjejas," katanya kepada pemberita pada sidang media selepas operasi tersebut, 5 Jan lalu.

Ujarnya, operasi tersebut mula dijalankan sejak 3 Jan lalu di kawasan Alor Gajah dan diikuti Melaka Tengah.

"Kami jangkakan selama dua minggu operasi ini dijalankan dan kita lihat atas keperluan dan permohonan daripada penduduk atau agensi berkaitan untuk kita bantu kelancaran operasi ini."

"Kita turut menggerakkan asset-asset SWM Environment Sdn Bhd untuk membantu melancarkan kerja pembersihan di kawasan yang terjejas ini," katanya lagi.



KERJA-KERJA pembersihan sisa pukal di kawasan perumahan Taman Datuk Tambhy Chik Karim yang terjejas banjir.

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

PEMANGKU PENGARANG
MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUAIHAD OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

JURUFOTO KANAN

AZREN JAMILUDIN
mazren86@gmail.com

JURUFOTO
IQMAL HAQIM ROSMAN

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
falizhasan@melakaharlini.my

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharlini.my

FIQA JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharlini

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@melakaharlini.my

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT

ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN

PENGURUS

MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF

IZAIDA RAIHANAH IDRIS
izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khaldah@melakaharlini.my

MELAKA TV

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal

farihsaikal.zakaria@melakaharlini.my

JURUVIDEO
MOHD ZAIDI YAACOB

AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI

aufalizzati98@melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my



Tahniah

Kepada

YB DATUK ZAIDI BIN JOHARI

Di atas pelantikan sebagai

**SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI MELAKA**

Setulus Ikhlas Daripada



Datuk Bandar, Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis,
Setiausaha, Ketua-Ketua Jabatan
Serta Seluruh Warga Kerja
Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Melaka





Banjir: TYT seru rakyat Melaka sentiasa waspada

MELAKA - Yang di-Pertua Negeri Melaka Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam menyeru rakyat negeri ini agar sentiasa berwaspada dengan musibah banjir yang berlaku.

Dalam satu kenyataan di Facebook Istana Melaka, Tun Mohd Ali turut meminta semua mangsa terlibat akur dengan arahan pihak berkuasa untuk berpindah ke pusat pemindahan sementara (PPS) demi keselamatan.

"Saya juga menyeru agar rakyat Melaka sentiasa berwaspada dan akur dengan arahan pihak berkuasa untuk

berpindah ke Pusat Penempatan Sementara (PPS) semasa banjir bagi keselamatan diri dan keluarga masing-masing," katanya.

Dalam pada itu, Tun Mohd Ali turut menyantuni mangsa-mangsa banjir di beberapa kawasan di negeri ini.

Antara kawasan yang dikunjungi ialah Kampung Batu Hampar, Kampung Morten, Kampung Bachang Darat, Angkasa Nuri, Kampung Gadek, Paya Buluh dan beberapa kampung di Sungai Rambai.



Selain itu, beliau turut menziarah mangsa-mangsa di beberapa PPS yang menempatkan mangsa-mangsa banjir.

Antara PPS yang dikunjungi ialah di Sekolah Kebangsaan Taman Merdeka, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Munshi Abdullah, SK Seri Mendapat dan SMK Sungai Rambai.

Selain menyantuni dan bertanya khabar, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terkesan.

Limpahan air sungai negeri jiran punca bah

Fiqah Jamal

JASIN - Musibah banjir yang berlaku di negeri ini sedikit sebanyak dipercayai berpunca daripada limpahan air sungai dari negeri jiran, kata Exco Pengurusan Banjir negeri Datuk Rahmad Mariman.

Beliau berkata, limpahan air sungai dari Johor dan Negeri Sembilan menyebabkan beberapa kawasan di Jasin dan Alor Gajah terkena tempias.

Katanya, antara kawasan terjejas

banjir ialah membabitkan daerah Jasin yang menerima limpahan air dari hulu Sungai Kesang dan Tangkak.

Manakala di daerah Alor Gajah dan sebahagian Melaka Tengah pula menerima limpahan air dari Sungai Rembau, Tampin dan beberapa sungai di Negeri Sembilan.

"Seperti di Kampung Lanchang (Jasin) ini, air datang berpunca dari sungai di hulu, iaitu limpahan Sungai Kesang, Sungai Tangkak. Hujan berterusan menyebabkan air hujan melimpah ke kawa-

san ini (terjejas).

"Manakala di Lubok China, Jelatang, Pengkalan dan lain-lain di Alor Gajah termasuk Melaka Tengah menerima limpahan air dari Sungai di Negeri Sembilan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas melawat kawasan banjir di Kampung Lanchang, Sungai Rambai, di sini, 3 Jan lalu.

Mengulas lanjut, Rahmad berkata, kawasan-kawasan yang tidak bersambung

dengan sungai dari negeri-negeri jiran masih belum dilanda banjir.

"Untuk sungai domestik yang tidak bersambung dari negeri-negeri lain, contohnya di Sungai Duyong, Sungai Punggah dan Sungai Kandang buat masa ini tidak berlaku banjir.

"Sungguhpun begitu, kita akan sentiasa memantau paras air sungai di semua kawasan terutama ketika keadaan cuaca tidak menentu."



PEMANDANGAN udara situasi banjir di Kampung Lanchang.

Melaka agih ubat cegah kencing tikus

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KESIDANG - Ubat untuk mencegah kencing tikus akan diajihkan kepada mangsa dan petugas banjir di Melaka, kata Exco Kesihatan Dr Muhamad Akmal Saleh.

Beliau berkata, ubat Doxycycline 200mg itu akan diberikan kepada mereka yang berada di pusat pemindahan sementara (PPS) dalam usaha mengawal penyakit bawaan air itu.

Katanya, ubat tersebut bagaimanapun diberi keutamaan kepada mangsa dan petugas yang berada di dalam air banjir dalam tempoh lebih tigajam.

"Penyakit ini (kencing tikus) kalau tidak diubati ia akan membawa mudarat dan lebih teruk membawa kematian."

"Jadi, tindakan awal kita adalah untuk memberikan ubat itu kepada mangsa dan petugas banjir yang berisiko," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan ke Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Merdeka, di sini, 3 Jan lalu.

Mengulas lanjut, Muhamad Akmal berkata, sepanjang tahun lalu, kes berkaitan kencing tikus yang telah direkodkan ialah sebanyak 34 kes yang mana ia menurun berbanding 241 kes pada 2020.

Katanya, penurunan itu adalah disebabkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dikuatkuasakan menyaksikan tidak banyak aktiviti riadah dan rekreasi dilakukan orang ramai.

Meskipun begitu, ujar-

nya, disebabkan banjir besar yang berlaku pertengahan bulan lalu dan awal tahun ini, pihak Jabatan Kesihatan Negeri akan melakukan pemantauan berkala bagi mengelakkan kes kencing tikus kembali meningkat. "Buat masa sekarang kita belum terima kes membabitkan mangsa (banjir), tetapi masih terlalu awal untuk kita katakan."

"Ini kerana jangkitan ini boleh berlaku dalam tempoh dua hingga 26 hari, jadi untuk kitatahu tahap jangkitannya mungkin kita memerlukan tempoh masa sebulan."

"Sebab itulah kita perlu mengawalnya sejak awal kerana kita tidak mahu nanti



MUHAMAD Akmal memberi taklimat mengenai kencing tikus kepada mangsa dan petugas di SK Taman Merdeka.

kes COVID-19 semakin menurun, tetapi kes kencing tikus pula meningkat," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau turut menggalakkan semua sukarelawan banjir yang terlibat di negeri ini agar men-

dapatkan ubat mencegah kencing tikus di klinik kesihatan awam atau swasta yang berhampiran.



ZAILAN Shah menarik jaring ikan di kawasan dinaiki air di Kampung Telok Berembang, Lubuk China

Din Ahmad

AYER LIMAU - Rezeki untuk neelayan sungai terhenti seketika berikutan banjir melanda Pangkalan Nelayan Kampung Telok Berembang, Lubuk Cina di sini.

Meskipun begitu, Zailan Shah Abdul Hamid, 38, tetap berusaha mencari rezeki buat keluarganya dengan menjaring di kawasan daratan termasuk di halaman rumah yang telah dinaiki air di kampung berkenaan.

Katanya, sejak kampung itu dinaiki air setinggi satu meter, dia tidak dapat pergi ke pangkalan untuk menggunakan perahu bagi aktiviti menangkap ikan.

"Saya tidak dapat ke pangkalan kerana air naik tinggi di laluan ke pangkalan, jadi saya terpaksa memasang jaring di kawasan yang dinaiki air di darat."

"Alhamdulillah, Allah tetap mengurniakan rezeki di darat apa-

bila jaring yang saya pasang di beberapa tempat memerangkap ikan keli, haruan, baung, sepat dan belida," katanya.

Zailan berkata, dia memasang jaring pada sebelah petang dan menariknya keesokan paginya dan tersenyum puas dengan pelbagai jenisikan.

Katanya, tanpa perlu menggunakan perahu, dia menarik jaring pada pokok sebelum membiarkannya semalam dengan harapan jaring dipenuhi ikan.

"Setiap kali saya selesai menarik jaring, alhamdulillah ada sahaja pembeli menawarkan harga yang menarik kerana mereka amat menggemari ikan darat (air tawar)," katanya.

Katanya, dia tidak menimbang ikan berkenaan untuk pelanggan, sebaliknya menjualnya secara pulak dengan purata harga tidak lebih daripada RM50.



MUHAMMAD Safiy Aqil menghantar makanan yang dipesan pelanggannya dalam keadaan banjir di Taman Angkasa Nuri, Durian Tunggal, Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Redah banjir hantar makanan pelanggan

DURIAN TUNGGAL - Atas dasar tanggungjawab dan simpati dengan nasib mangsa banjir, seorang penghantar makanan e-hailing sanggup meredah banjir dengan berjalan kaki sejauh hampir 500 meter di Taman Angkasa Nuri, di sini.

Muhammad Safiy Aqil, 22 berkenaan, walaupun tugas itu lebih melahkan berbanding kebiasaan, namun anak muda itu menganggapnya sebagai asam garam dunia pekerjaan.

Katanya, sejak pagi tadi, dia telah meredah banjir sebanyak dua kali apabila menerima tempahan di kawasan yang terputus hubungan

akibat banjir.

"Pagi tadi saya menghantar makanan di Bachang dan terpaksa redah air dan kini di Taman Angkasa Nuri pun situasinya sama."

"Walaupun banjir, kerja tetap kerja. Demi tugas dan tanggungjawab dan rasa simpati terhadap mangsa saya kena harung juga."

"Lagipun ini soal perlu nasi juga. Sama ada banjir atau tidak, saya tetap perlu keluar bekerja," katanya.

Dia berkata demikian kepada Melaka Hari Ini ketika ditemui selepas menghantar makanan kepada mangsa banjir di taman berkenaan 3 Jan lalu.

Saham wakaf Masjid Pulau Besar terima sumbangan RM66,000

“ saham wakaf pembinaan Masjid Pulau Besar telah dilancarkan pada 19 Oktober lalu. ”

SERI NEGERI - Sejumlah RM66,000 telah disumbangkan oleh persatuan kontraktor bagi saham wakaf pembinaan Masjid Pulau Besar.

Sumbangan saham wakaf itu telah diserahkan kepada Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dalam satu majlis di Pejabat Yang di-Pertua Negeri, di sini, 5 Jan lalu.

Iaturut disaksikan Tuan Yang Terutama (TYT) Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam.


Antara yang tampil memberikan sumbangan wakaf ialah Syarikat Empire Indera sebanyak RM20,000, Persatuan Kontraktor

Melayu Malaysia (PKMM) sebanyak RM10,000 dan PKMM Melaka (RM10,000).

Turut memberi sumbangan ialah PKMM Perak RM10,000, PKMM Kedah (RM3,000), PKMM Pahang (RM3,000) dan Presiden PKMM Datuk Seri Fadhil Hassan yang memberikan sumbangan peribadi sebanyak RM10,000.

Untuk rekod, saham wakaf pembinaan Masjid Pulau Besar telah dilancarkan pada 19 Oktober lalu.

Ia diadakan bersempena sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri di Auditorium Masjid Al-Azim.



TUN Mohd Ali (tengah) menyaksikan majlis penyerahan sumbangan Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar di Pejabat Yang di-Pertua Negeri.

Kupon parkir masih boleh digunakan -MPHTJ

AYER KEROH - "Tiada isu, kupon masih boleh digunakan tetapi perlu ditukar kepada kupon baharu," itu penjelasan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman.

Beliau berkata demikian bagi mengelak kekeliruan mengaitkan kupon parkir gores tidak lagi boleh digunakan pada tahun ini.

Menurut Shadan, kupon parkir yang dikeluarkan pada sebelum ini tidak boleh digunakan susulan pertukaran syarikat pengendalian kepada syarikat baharu iaitu Syntax Valley Parking (SVP) (M) Sdn Bhd.

Oleh itu katanya, apabila berlaku pertukaran syarikat, kupon parkir yang digunakan juga akan bertukar.

"Kepada yang sudah beli kupon lama mereka boleh di-



KUPON parkir lama perlu ditukar baharu kepada syarikat SVP atau di pondok jualan yang disediakan.

tang kepada syarikat SVP itu untuk pertukaran kepada kupon parkir baharu.

"Kupon lama memang tidak sah dan tidak boleh digunakan lagi tetapi apabila pemegang itu sudah menukar kepada kupon baharu ianya boleh di-

pakai dan tiada masalah," katanya.

Shadan berkata, pertukaran kupon parkir itu boleh dibuat oleh pemegang atau pemilik kupon di syarikat SVP atau pondok jualan dengan membawa bersama kupon lama.

Pengguna perlu bersedia kenaikan harga ayam mentah

Liana Sahabudin

SUNGAI RAMBAI - Pengguna perlu bersedia dengan kenaikan harga siling ayam mentah selepas Tahun Baru Cina.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, ini berikutan kerajaan akan mengkaji semula harga siling

ayam mentah tersebut sebelum membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu.

Katanya, sesi libat urus antara agensi berkaitan termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta penternak akan diadakan bagi membincangkan mengenai isu itu demi menjaga kepentingan kedua-dua belah pihak.

"Kita dah wartakan harga kawalan di peringkat runcit RM9.10 dan kenaikan itu dijangka berlaku selepas tamat Skim Harga Maksimum Keluarga Malaysia (SHMKM) 4 Feb ini.

"Semalam kita bincang bersama persatuan penternak yang mengeluh harga ternakan dan kos operasi mereka dah meningkat sebab pengimportan dedak ayam" katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) SMK Sungai Rambai di sini, 7 Jan lalu.

Ujarnya, kementerian bagaimanapun sentiasa mencari mekanisme terbaik bagi memberi situasi menang-menang antara kedua belah pihak.

"Sebab itu kita buat libat urus sebab kita juga pengguna, kita juga harus juga peniaga sebab jika mereka tak dapat teruskan operasi, kita pun tak ada bekalan nanti."

"Kita akan lihat sejauh mana kita boleh kawal harga itu...kalau terlalu lama mungkin boleh jejaskan industri penternak ayam. Tapi jangan risau, KPDNHEP akan juga kepentingan pengguna," katanya.



ALEXANDER dalam sidang media selepas melawat PPS SMK Sungai Rambai. Foto: Iqmal Haqim Rosman



MIMBAR MAIM

“Be na r-be na r sang a t beruntung o ra ng-o ra ng ya ng me mbe rsihka n di i deng an be riman dan se ntia sa be rzikir me nye b ut na ma Tuha nya se rta me nge ja ka n se mb a hyang.” (Surah Al-A’la, ayat 14-15)

“De mi se sung g uhnya ! Ka mi a ka n me ng uji ka mu de ng a n se dikit ke ta kuta n, ke la para n, da n ke kura ng a n da ri ha rta b end a se rta jiwa da n ha sil ta-na man. Da n be rila h kha barg emb ira ke pada o ra ng yang sabar.” (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Laksana misi banjir ke Jelebu

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

JELEBU - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) melalui Bilik Gerakan Musaladah Pasca Banjir Agensi Islam Melaka telah menaksanakan misi bantuan mangsa banjir di kawasan Parlimen Jelebu Negeri Sembilan.

Banyak kawasan terjejas teruk akibat banjir besar melanda baru-baru ini antaranya kawasan DUN Pertang yang melibatkan lebih 5 buah kampung terkesan.

Kampung berkenaan adalah Kampung Bemban, Kampung Jun-tai dan juga Kampung Sungai Buloh.

Turut terjejas dan terputus hubungan akibat jambatan runtuh adalah kampung Jerang dan Kampung Lakai.

Dengan pelaksanaan misi ini MAIM khususnya telah mengambil insiatif tambahan dengan menyantuni mangsa-mangsa banjir dan menyampaikan sumbangan berbentuk wang tunai beserta kit makanan.

MAIM juga menyediakan beberapa perlatan elektrik kepada mangsa banjir antaranya pemanas air dan serta lampin pakai buang untuk kanak-kanak.

Dalam misi ini juga MAIM dengan kerjasama agensi agama Islam lain iaitu Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dan Jabatan Mufti Me-



PENGHANTARAN bantuan kit makanan melalui bot Angkatan Tentera Malaysia (ATM) berikutan jambatan penghubung ke lokasi kampung telah runtuh akibat banjir.

Iaka (JMNM) melihat sendiri ke musuhan yang berlaku akibat banjir.

Misi ini telah diketuai oleh Timbalan Pengerusi MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud bersama Mufti Negri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil.

Keprihatinan Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama (Dr). Sulaiman Md Ali turut diterjemahkan dengan sumbangan seja-dah kepada mereka serta minuman air bersih bagi kegunaan sehari-hari.

Misi bantuan kali ini juga mem-beri gambaran sebenar peranan besar bilik gerakan ini bersama MAIM menyantuni dan menyelami keluh kesah mangsa banjir yang terkesan bukan sahaja dari segi emosi namun memberi kesan besar dalam bentuk fizikal mereka.

MAIM juga sentiasa akan turun padang membantu mereka yang memerlukan dalam keadaan pada ketika negara ini masih belum reda dengan penularan wa-bak Covid-19.



MD Rawi bersama Abdul Halim menyampaikan sumbangan wang tunai dan kit makanan kepada mangsa banjir

SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

3 KAEDAH BERWAKAF

01 MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA" 04015010078877 (BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

02 MELALUI POTONGAN GAJI, MUAT TURUN RORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL iWAKAF MAIM (<https://iwakaf.maim.gov.my>)

03 MELALUI "STANDING INSTRUCTION (SI)" MENGGUNAKAN PERBANKAN INTERNET

#SatuAmalMenciptaSejutaManfaat

Jom Berwakaf

BANK ISLAM 04015010078877 (BIMB)
(Saham Wakaf Pembinaan Masjid Pulau Besar Melaka)

Erwin Abu Hasan
erwin@aim.gov.my



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud mengetuai pasukan Bilik Gerakan (Musa'adah) Pasca Banjir Agensi Agama Islam Melaka menghantar bantuan berupa kit makanan kepada mangsa banjir di sekitar kawasan Lubok China yang terjeas berikutan musibah banjir kali kedua yang berlaku baru-baru ini. Bilik gerakan berkenaan telah beroperasi sejak Disember tahun lalu dan berperanan menyantuni dan memberi bantuan yang berseusaian kepada mangsa banjir yang terkesan.



Sikit mencukupi, banyak dikongsi



**Datuk Hj. Ibrahim
Bin Fadil**

Ketua Pegawai
Eksekutif Zakat Melaka,
Majlis Agama
Islam Melaka.

SETIAP umat Islam yang beriman dan bertaqwa haruslah mentaati Rukun Islam yang telah ditetapkan oleh syariat Islam khususnya Rukun Islam yang ketiga iaitu menunaikan ibadah zakat. Rasulullah SAW telah memerintahkan agar umat Islam yang telah mencukupi syarat-syarat wajib zakat, segera menunaikan tanggungjawab berzakat terus kepada amil pemerintah.

Hal ini kerana perintah mengeluarkan

zakat kepada amil pemerintah ini adalah perintah Allah SWT kepada orang-orang yang beriman bagi tujuan menguji keimanan dan ketakwaan mereka terhadap Allah SWT. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT di dalam Surah at-Taubah; ayat 103 yang bermaksud: "Ambillah zakat dari sebahagian harta mereka, dengan zakat itu kamu membersihkan dan menyucikan mereka dan berdoalah untuk mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa bagi mereka. Dan Allah SWT Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Oleh yang demikian, harta yang tidak dikeluarkan zakat tidak akan mendapat keberkatan rezeki daripada Allah SWT. Harta yang berkait umpama sedikitnya mencukupi dan banyaknya boleh diagih-agihkan. Selain daripadaitu, harta itu juga dibarangkan seperti air laut yang diminum, ianya tidak akan dapat

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Medimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulau Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Ulu Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat: 1-300-88-0233 WhatsApp : Info Pertanyaan Zakat – (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat – (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

menghilangkan dahaga dan apabila diminum banyak, ianya boleh mendatangkan bahaya kepada kesihatan tubuh badan.

Oleh itu, setiap umat Islam di dunia ini akan diuji oleh Allah SWT dalam pelbagai bentuk ujian, antaranya pemilikan harta. Persoalan sering berlaku dari mana, bagaimana

harta diperolehi dan ke mana harta tersebut diagihkan serta digunakan. Ini kerana, manusia akan terlalu laai dengan harta benda dan anak pinak sehingga terleka dengan perintah Allah SWT dalam mengejar kebaikan saham di akhirat. Ini bertepatan dengan Surah al-Munafiqun ayat 9 yang bermaksud: "Hai orang-orang beriman, janganlah harta tamu dan anak-anakmu melalaikan kamu dari mengingati Allah SWT. Barangsiapa yang berbuat demikian maka mereka itulah orang-orang yang rugi".

Justeru itu, setiap umat Islam perlulah memainkan peranan penting bagi menuaikan kewajipan berzakat seperti mana yang telah terkandung dalam Al-Quran dan Hadis Nabi SAW tentang kewajipan menunaikan zakat. Semoga apa jenis zakat yang ditunaikan dapat memberi manfaat kepada ramai asnaf yang memerlukan. Semoga segala bentuk harta dan pendapatan yang dikeluarkan oleh pemberi zakat akan memperolehi keberkatan dan digandakan oleh Allah SWT. In Shaa Allah.

Sebarang pertanyaan dan pembayaran zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1-300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

“ Semoga apa jenis zakat yang ditunaikan dapat memberi manfaat kepada ramai asnaf yang memerlukan. Semoga segala bentuk harta dan pendapatan yang dikeluarkan oleh pemberi zakat akan memperolehi keberkatan dan digandakan oleh Allah SWT **”**

Erwin Abu Hasan
erwin@aim.gov.my



KETUA Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali mempengerusikan mesyuarat Lembaga Pengarah MAIM bertempat di Seri Negeri bagi membincangkan hala tuju perpaduan dan pembangunan umat Islam di negeri ini.



MAJLIS ringkas menandatangai perjanjian persefahaman (MOU) bersama syarikat dilantik bagi memajukan pembangunan tanah milik Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) di atas lot 5317 PM 2227, Mukim Ayer Panas dalam daerah Jasin. MAIM diwakili Timbalan Pengurus, Datuk Wira Md Rawi Mahmud disaksikan bersama Ketua Menteri, Datuk Seri Utama (Dr.) Sulaiman Md Ali dan Mufti Negeri, Datuk Wira Abdul Halim Tawil. Pembangunan di atas tanah berkenaan menyaksikan pembinaan rumah mampu milik yang dijangka siap dalam tempoh 2 tahun akan datang bagi memberi kemudahan tambahan khususnya masyarakat Islam di negeri ini.



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim menyampaikan sumbangan berupa cek kepada sebahagian ahli jawatankuasa surau dan masjid sekitar daerah Alor Gajah. Sumbangan berkenaan merupakan antara inisiatif MAIM membantu surau dan masjid melaksanakan pembaikan serta binaan baharu bagi manfaat bersama umat Islam secara amnya di negeri ini.



Harga Jualan dari
RM370,000
RM280,000
 Harga Istimewa!!!



- ✓ Kondo Mewah berlokasi di Kota Laksamana, Melaka
- ✓ Dilengkapi 40++ Kemudahan
- ✓ Hak Milik Kediaman
- ✓ Keluasan 1,069 kps
3 Bilik/2 Bilik Air

Sewa Bulanan	- RM1,700+-
Ansuran Bulanan	- RM1,100+-
Pendapatan Bulanan	- RM600+-

**Pinjaman 100%,
RM0 Downpayment**

**Percuma
Yuran Guaman & Duti Setem**

**Percuma Internet
(5 Tahun)
Kelajuan - 1000 mbps**



SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : TANJUNG RATNA SDN. BHD - 014 668 9209

Alamat : Tanjung Ratna Sdn Bhd Malacca, No. 24, Jln KLJ 4, Taman Kota Laksamana, 75200 Malacca

No. Lesen Pemaju:19468-2/09-2022/02776 (L)|Tempoh Sah:08/09/2021-7/09/2022|No. Permit Iklan:19468-2/09-2022/02776 (P)|Tempoh Sah:08/09/2021-07/09/2022|Pemaju beserta Alamat Lengkap dan No. Telefon: Tanjung Ratna Sdn. Bhd. Aras 18, Menara Safuan, No. 80,Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur. +0327818989|Jenis Pegangan Tanah: Pajakan 99 tahun|Tarikh Tamat Tempoh: Mei 2117|Bebanan Tanah:Maybank|Perihalan Rumah Tempat Tinggal: Kondominium|Tarikh Pemajuan Perumahan Dijangka Siap:(Fasa 1)15 Ogos 2022|Harga Jualan Minimum dan Maksimum:|Jenis A:RM347,000.00 - RM391,000.00|Jenis B:RM380,000.00 - RM422,000.00|Bilangan Unit:Jenis A (23 unit)Jenis B(69 unit)|Nama Pihak Berkua yang Meluluskan Pelan Bangunan:MBMB|No. RUJukan : MBMB/JKB/03040/12/2016(9).Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau dipajak kecuali dengan kebenaran Pihak Berkusan Negeri.

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN JABATAN PERUMAHAN NEGARA



WWW.KIBGIM.COM

SCAN HERE


SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SAINS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: SAINS**Bahagian A**

- Antara berikut, yang manakah merupakan Kelas Mikroorganisma?
 - Fungi, Alga, Protozoa, Bakteria dan Virus.
 - Fungi, Alga, Eosinofil, Basofil dan Virus.
 - Fungi, Alga, Monosit, Basofil dan Virus.
 - Fungi, Alga, Protozoa, Basofil dan Virus.
- Rajah 1 menunjukkan salah satu kelas Mikroorganisma. Apakah kelas Mikroorganisma tersebut?




Rajah 1

- | | |
|-------------|----------|
| A. Fungi | B. Alga |
| C. Bakteria | D. Virus |
- Antara pernyataan yang berikut, yang manakah menerangkan bentuk Kelas Mikroorganisma Fungi.
 - Fungi unisel seperti yis berbentuk sfera kecil.
 - Fungi multisel seperti mukor terdiri daripada sporangium.
 - Sporangium berbentuk sfera dan hifa.
 - Fungi mempunyai kloroplas yang mengandungi klorofil.
 - Berikut adalah faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan mikroorganisma.
 - Kelembapan, Cahaya, Suhu, Nilai pH dan nutrien
 - Keamatan cahaya, Kelembapan, Suhu dan Nilai pH
 - Kehadiran Oksigen, Kelembapan, Suhu dan nutrien
 - Kehadiran Nitrogen, Kelembapan, Suhu dan nutrient
 - Teknik aseptik dapat menghalang jangkitan patogen dan menyingkirkan patogen. Antara berikut yang manakah merupakan salah satu Teknik aseptik?
 - Pensterilan
 - Pendidihan
 - Penggunaan disinfektan
 - Penggunaan radiasi
 - B. I, II dan III C. I, III dan IV D. II, III dan IV

Bahagian B

- Rajah 2 merupakan sejenis mikroorganisma.
- Rajah 3 menunjukkan sejenis bakteria.



Rajah 2

- Apakah kumpulan mikroorganisma yang ditunjukkan di atas?
- i) Apakah struktur yang berlabel X?
ii) Nyatakan fungsi struktur ini.




Rajah 3

- Namakan jenis bakteria ini.


- Berikan tiga kegunaan bagi serum yang dihasilkan menggunakan bakteria ini.

- Rajah 3 menunjukkan *Amoeba sp.* Mendapatkan nutriennya.



- Namakan proses tindakbalas *Amoeba sp* mendapatkan nutriennya seperti dalam Rajah 3.
- Namakan unjuran sitoplasma untuk *Amoeba sp* bergerak dan mengepong makanan. Ketika proses ini.
- Namakan kelas mikroorganisma bagi *Amoeba sp*.

- Rajah 4 menunjukkan cara pembiakan bagi *Amoeba sp*.



- Namakan cara pembiakan bagi *Amoeba sp*.
- Namakan contoh lain mikroorganisma yang menjalankan cara pembiakan seperti *Amoeba sp*.
- Namakan jenis pembiakan seks ini.
- Nyatakan proses cara pembiakan ini.

- Penamaan dan pengelasan bakteria adalah berdasarkan bentuk asas bakteria.



A B C D

- Namakan pengelasan bakteria tersebut.
- Berikan contoh mikroorganisma bagi setiap kelas bakteria tersebut.
- Nyatakan julat ukuran bagi mikroorganisma unisel ini.

Jawapan:**Bahagian A**

1. A 2.A 3. A 4.A 5. A

Bahagian B

1. a) bakteria

b) i) 1ndustry1

ii) bergerak

2. a) rod (bacillus)

b)

• menyingkirkan bau busuk

• membantu pencernaan haiwan ternakan

• membentuk kompos

• memajukan 1ndustry perikanan

3. a) fagositosis

b) pseudopodium

c) protozoa

4. a) belahan dedua

b) *Paramecium sp.*

c) Pembiakan aseks

d) Sel induk membagi dua untuk membentuk dua sel anak yang mempunyai bahan genetic yang serupa dengan sel induk.

5. a) sfera (kokus)

B: pilin (spirillum)

C: rod (bacillus)

D: koma (vibrio)

b) A: *Streptococcus sp.*B: *Treponema pallidum*C: *Bacillus anthracis*D: *Vibrio cholerae*

c) 0.2 µm – 10 µm



PROF. DATO' DR. AHMAD MURAD MERICAN

THE Bahasa Melayu term *atas angin*, literally 'above the wind' refers to regions and peoples westward. It is a Malay geographical and ethnic marker mainly referring to the Indian sub-continent, the Persian world, the Arabs and Turks. And extending to the European Mediterranean region.

Often, the peoples from the 'lands above the wind' formed at least semi-permanent communities along the coastal areas of the Malay Archipelago, seen in the many trading ports. The *atas angin* ethnicities are visible in the Archipelago, and these would primarily be Arabs and some of the major ethnicities from the Indian subcontinent, namely Tamils and Gujeratis (based on Malay classical texts). They formed new communities along the littoral areas east (and west) of the Indian Ocean. Portuguese historian Tome Pires who spent some three years in Melaka from 1512 mentions 1,000 Gujerati merchants, 4,000 Persians, Bengalis, Arabs, together with a sizeable number of Tamils.

These ethnicities, from the 'lands above the wind' held a significant and durable presence in the 'lands below the wind.' *Dibawah angin* is the other ethnic marker, often too, a form of self-identity for the Malays in the Archipelago.

The marker of "below the wind" could be derived from Malay encounters with the Persians as told in Ibn Muhammad Ibrahim's narrative in *The Ship of Sulaiman*. It was suggested that *bawah angin* denotes a Persian identity marker for countries in the East, "... surely the most blessed of all these regions."

The gaze from the 'lands above the wind' on the Malay Archipelago - from Iran, has been much been subdued by the Indianization/Sanskritization discourse. Tomás Petr? in his article titled "Lands below the Winds" as Part of the Persian Cosmopolis: An Inquiry into Linguistic and Cultural Borrowings from Persianate Societies in the Malay World" (Moussons, 2016) suggests the label 'Persian Cosmopolis' to describe the integration of the Malay *Tanah Air* into the greater cultural sphere.

The degree of Persian cultural impact in the maritime region reveals the intricacies of cultural pluralism and hybridization since time immemorial. The connection was intense. Remember our school history of 'Sufi missionaries' in Melaka, or the kingdom's Gujerati harbor masters (*Syahbandars*)? The connections, bearing much on Malay collective understanding of society and civilization, have been almost effectively muted.

Links between Iran and the Archipelago happened roughly between the 11th and 19th centuries. According to scholars, the realm of the Persian cosmopolis was usually defined geographically as extending from Anatolia (indirectly via the Ottoman expansion) to central Asia to Bengal, and along the maritime trading routes to the Malay Archipelago. It can be said that the Persian cosmopolis to some extent replaced the Sanskrit cosmopolis that preceded Persianate culture.

Before the 11th century, one finds some of the earliest contacts through maritime trade route across the Indian Ocean. This refers to

Atas Angin:

Reflections of the Persian Cosmopolis on the 'Lands below the Wind'



ATAS angin, literally 'above the wind' refers to regions and peoples westward.

“ However, the cultural fabric is still deeply entrenched, though many are unaware of its origins. And sure, laksa is well consumed. There are always the kenduri and the tamasya. Bang is audible in Kedah, Pulau Pinang, Melaka and Johor, And Nushirwan is a name among the Malays. ”

the Parthian traders, operating in the late 2nd and early 3rd centuries CE, engaging with international entrepôts in the region. Accordingly Sassanid Persians (224-651CE) made an impact. Their literary works were translated into Cham. They were said to be familiar with Sassanid cosmology, namely in the book of Anurshwan, said to be sacred to the Chams. I was also told that the Muslim Chams in central Vietnam called themselves as *Orang Bani*. They claim origins from a figure called Noursavan, said to be the Persian king Anurshwan.

In the Malay *Hikayats*, we encounter Nushirwan Adil (Nushirwan the Just). Nushirwan Adil appeared in at least four *hikayats*, namely *Hikayat Amir Hamzah* (1380), *Hikayat Muhamamad Hanafiah* (1380), *Taj al-Salatin* (1603) and *Sejarah Melayu* (1612). In *Hikayat Amir Hamzah*, Nushirwan Adil was mentioned 49 times, while we find the name mentioned six times in *Sejarah Melayu*.

The *hikayat* (a story/ account), is from the Persian *hikayat*. The Malay *hikayat*s such as *Hikayat Amir Hamzah* and *Hikayat Muhamamad Hanafiyah* are adaptations or even direct translations from Persian. A certain degree of Shi'i influence reveal itself amongst the Shafi'i Malays – such as the *tabut* or *ashura*, in the Minangkabau and Bengkulu re-

gions in the West coast of Sumatra. And there is *Lahar Tabut* at Kampung Paya, Penaga in Seberang Perai.

During the period concerned, the language transmitted was the New Persian (Farsi), in the latter half of the 9th century. The script was Arabic, replacing the previous Pahlavi. According to Petr?, Farsi was brought by the 'Samargandi diaspora' – the Persian exodus in the late 14th century, due to the Turco-Mongol conquest. The 'men of the pen', in their thousands, fled to modern day Uzbekistan and India. The Persianate sultanates of India sparked a dramatic cultural shift in the Malay Archipelago, bringing in elites and exiles.

While Bahasa Melayu remained the vital language of communication in the maritime region, Farsi was the cultural *lingua franca*. The *atas angin* enhanced the cosmopolitanisms of the region. What was most intense was the lexical transfer which not only included a number of commercial items such as *gandum* (wheat) or *kurma* (date) the Persians traded, but also the very conceptual word for the 'market' – *pasar* in Bahasa Melayu, deriving from the Persian *bazar*. Other trade related loan words include *domba* (sheep), *anggur* (grapes), *kismis* (raisins), *laksa* (ver-

micelli); and fashion as in *baju*, *seluar* (*salwar*), *serban* and *destar*.

Concepts deriving from maritime and naval activities worth noting is *bandar* (port, harbor) and *syahbandar*, as well as *kelasi* (sailor). Malay maritime history is full of *nak-hodas* (captain, fleet, commander) dominating trade in the Indian Ocean and the Archipelago. One such includes long-haul links between the Persian Gulf, Surat and Masulipatnam and Autthaya, where they acted in the service of the Siamese King.

In Malay statehood, we find *shah*, *tahta*, *naubat*, *dewan*, *cogan*, *cokmar*. Nobat is from the persian *naubat*. The cosmology from the land above the wind came through many forms, manifold origins and multifaceted. The persian element is now no more fashionable in Malay society, or might have merged, subdued by other forces from both the lands below and above the wind.

However, the cultural fabric is still deeply entrenched, though many are unaware of its origins. And sure, *laksa* is well consumed. There are always the *kenduri* and the *tamasya*. *Bang* is audible in Kedah, Pulau Pinang, Melaka and Johor, And Nushirwan is a name among the Malays.

**NEXT WEEK:
Marhaen**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

Strok atau angin ahmar, ketidakupayaan boleh dielak? - Dr Toh Tsun Haw

Fiqa Jamal

M ASIH ramai di luar sana yang tidak memandang serius akan tanda-tanda awal Strok atau Angin Ahmar yang merupakan penyebab ketiga kematian di Malaysia.

Ikuti penjelasan Pakar Neurologi dan Pakar Perubatan, Hospital Pantai Ayer Keroh, Dr Toh Tsun Haw mengenai penyakit ini.

BAGAIMANA STROK (ANGIN AHMAR) BERLAKU?

Strok merupakan masalah kesihatan yang disebabkan oleh bekalan darah ke otak terganggu.

Bahagian otak yang terganggu itu tidak menerima oksigen yang cukup lalu menyebabkan kerosakan pada sel-sel otak.

Kecederaan saraf akan berlaku dan mengakibatkan bahagian badan yang dikuasai oleh bahagian otak itu tidak berfungsi dengan baik.

Sekiranya ia tidak dikesan dan dirawat dengan cepat, boleh menyebabkan kerosakan fungsi badan secara kekal dan boleh meragut nyawa.

TANDA-TANDA AWAL ANGIN AHMAR - F.A.S.T

Teknik F.A.S.T telah disaranakan supaya orang awam senang mengenal pasti tanda-tanda strok.

Berikut adalah tanda-tanda awal strok/ angin ahmar yang harus diambil kira:

> F- FACE (MUKA)

Strok boleh menyebabkan kebas atau rasa lemah pada sebelah muka. Apabila seseorang mengalami gejala ini cuba senyum dan anda akan mendapati sebelah mulut sahaja boleh bertindak balas.

Cepat-cepat ke hospital berhampiran dan nyatakan permasalahan anda kepada doktor. Ini kerana anda sedang berdepan salah satu tanda strok.

> A-ARMS (LENGAN ATAU KAKI)

Selain muka, strok juga boleh terkena pada anggota badan, separuh dari anggota badan, boleh jadi separuh kiri atau separuh kanan dari anggota badan menjadi lumpuh atau tidak bermaya.

Tangan mula menunjukkan



DR Toh Tsun Haw ketika menjelaskan bahaya penyakit stroke atau angin ahmar ketika ditemui di Hospital Pantai baru-baru ini.

rasa kebas, sukar mengangkat tangan atau kaki.

Seseorang yang mengalami angin ahmar mungkin tidak dapat mengangkat lengannya di atas kepala dan menahannya.

> S-SPEECH (PERCAKAPAN)

Antara simptom lain adalah, seseorang mungkin mengalami kesukaran berbicara atau perkataan yang dikeluarkan tidak jelas.

> T-TIME (MASA)

Jika kesemua simptom diatas berlaku pada diri anda, masa yang pantas sangat penting! Terus ke hospital atau jika tidak bermaya, hubungi ambulans dengan kadar segera.

Kenapa ia penting? Kerana, strok ini disebabkan darah beku di bahagian otak yang menyebabkan oksigen tidak sampai ke otak. Jumlah sel-sel otak yang terjejas bertambah setiap saat tanpa rawatan dan jika terlewat mendapatkan bantuan pakar, anda mungkin boleh menjadi lumpuh kekal.

APA FAKTOR RISIKO PENYEBAB STROK?

Antara faktor risiko penyebab strok ini adalah

1- Gaya Hidup

Tidak menjaga pemakanan, tiada amalan kesihatan yang dilakukan

kukan, obesiti, merokok dan tidak mengawal pengambilan gula dalam makanan dan minuman antara punca strok.

Selain itu, stress atau tekanan berlebihan juga boleh menjadi punca terkena penyakit ini.

2- Jantina dan Umur

Kes strok atau angin ahmar ini lebih banyak terjadi pada golongan lelaki berbanding wanita. Mengikut kajian, lelaki cenderung mendapat penyakit ini berbanding wanita, namun peratusan wanita untuk mendapat penyakit ini juga agak tinggi.

Kebanyakan umur 50 tahun ke atas kerap mendapat penyakit ini, namun dengan perubahan zaman dan gaya hidup kini, golongan 30 tahun ke atas juga semakin ramai yang mendapat tanda-tanda awal.

Kurang daripada 30 tahun ke bawah juga terdapat kes-kes mendapat strok namun ia lebih kepada kes terpencil.

3- Sejarah Keluarga

Buat mereka yang mempunyai sejarah keluarga menghadapi penyakit angin ahmar ini berjaga-jaga, kerana anda juga mungkin boleh terkena kerana faktor genetik juga boleh menyumbang kepada strok.

Namun risiko mendapat strok boleh dikurangkan dengan men-

gamalkan gaya hidup sihat dan amalkan senaman serta menjaga pemakanan.

TIA, STROK ISKEMIK DAN STROK HEMORHAGIK

> SERANGAN ISKEMIK TRANSIEN (TIA)

TIA digelar mini strok, TIA juga berbeza dengan dua jenis strok Iskemik dan Hemorhagik, TIA ini hanya berlaku dalam keadaan tempoh yang singkat (kurang 24 jam).

TIA ini berlaku kerana aliran darah ke otak terhenti seketika dan simptom akan hilang sebaik sahaja aliran darah kembali normal. Namun begitu, pesakit yang mengalami TIA lebih tinggi risiko mendapat strok iskemik dalam masa terdekat.

> STROK ISKEMIK

Serangan strok Iskemik adalah jenis paling umum dan keadaan ini melibatkan kehadiran plak atau darah beku yang menghalang arteri di dalam otak.

Berbeza dengan TIA, simptom strok Iskemik ini kekal (lebih 24 jam) dan strok ini berlaku apabila terdapat darah beku yang menyekat aliran darah ke otak.

Darah beku boleh terbentuk akibat masalah kesihatan kronik yang menyumbang kepada pembentukan plak aterosklerosis.

Apabila sebahagian plak tersebut tertanggal, ia boleh menyalir dan tersekat pada salur darah kecil di otak menyebabkan aliran darah terganggu.

> STROKE HEMORHAGIK

Keadaan strok ini berlaku apabila terdapat salur darah di dalam otak pecah sehingga menyebabkan pendarahan di persekitaran tisu dan sel otak akan mula mati.

Strok hemoragik lebih jarang berlaku berbanding strok iskemik dan melibatkan pendarahan di dalam otak.

Strok iskemik atau strok hemoragik tidak dapat dibezakan tanpa pemeriksaan kesihatan and imbasan otak.

Doktor akan menganalisis imbasan otak bagi melihat jika ada tanda pendarahan dan sebagainya sebelum membuat diagnosis.

APA JADI JIKA TIDAK DIRAWAT?

Strok atau angin ahmar ini boleh mengancam nyawa, kerana itu ia digelar keadaan kesihatan kecemasan.


Jika mempunyai simptom dan terus mendapatkan rawatan, doktor boleh memberi ubat cair darah (thrombolysis) yang berpotensi mengurangkan ketidakupayaan dalam masa 4 ke 5 jam dari ketika strok berlaku.

Namun jika selepas dari tempoh itu baru hendak mendapatkan rawatan, kaedah rawatan yang boleh diguna doktor lebih terhad dah pemulihan strok itu lebih bergantung kepada fisioterapi untuk tempoh masa yang agak lama.

Hal ini kerana otak merupakan organ penting yang mengawal fungsi tubuh badan manusia, tanpa aliran darah yang cukup ia boleh menganggu pelbagai proses.

Antara komplikasi yang akan dihadapi bergantung kepada jenis strok dan secepat mana anda mendapatkan rawatan.

Strok bukanlah satu penyakit yang boleh dipandang ringan. Lebih banyak rawatan boleh diberi doktor jika pesakit strok dapat tiba ke hospital dalam masa yang terdekat.



PUNCA-PUNCA stroke atau angin ahmar yang dijelaskan menerusi gambar rajah.



SIMPTOM stroke yang perlu diambil berat.



DR. SHANKAR GUNARASA




SEBELUM ini anda pernah membaca artikel saya berkaitan dengan hernia inguinal, simptom dan rawatannya. Tetapi di tubuh kita, boleh juga muncul hernia disebabkan oleh pembedahan dan ia dipanggil hernia incisional atau hernia hirisan.

Hernia hirisan atau incisional hernia berlaku disebabkan potongan di abdomen semasa pembedahan. Hernia hirisan boleh terjadi pada bahagian yang lemah ini. Ia boleh berlaku dalam 2-10 peratus selepas pembedahan abdomen. Pesakit ini seringkali mengalami masalah bonjolan yang besar di sekitar parut pembedahan.

Lazimnya pembedahan terpaksa dilakukan sekali lagi di mana lapisan abdomen diperketatkan dengan jaring (mesh) untuk mengelakkan hernia ini berulang. Kebiasaan pembedahan ini sedikit sukar dilakukan akibat kesan pembedahan sebelumnya di mana kecederaan usus boleh berlaku.

Bukan semua insisi pembedahan boleh terjadinya hernia hirisan ini. Kejadian ini boleh berlaku dari segi teknikal semasa penutupan insisi pembedahan tersebut, jangkitan luka insisi yang menyebabkan kelemahan pada otot atau disebabkan oleh faktor tubuh pesakit seperti obesiti. Ia juga boleh berlaku kepada pesakit yang telah menjalani sebarang pembedahan di abdomen dan mengambil bahagian dalam aktiviti yang meningkatkan tekanan abdomen (seperti mengangkat berat) dalam jangka yang pendek selepas pembedahan.

Kandungan dalam kantung hernia ini biasanya terdiri dari usus (besar atau kecil) atau lapisan lemak seperti omentum. Dalam sesetengah pesakit, usus boleh terbocor disebabkan oleh hernia



PEMBEDAHAN hernia

Hernia Hirisan (Incisional): Apakah ia?

sebegini.

FAKTOR-FAKTOR PENYEBAB HERNIA HIRISAN

Seperti hernia yang lain, hernia kebiasanya disebabkan oleh peningkatan tekanan di dalam ruang abdomen yang berlebihan yang boleh menyebabkan bonjolan keluar dari insisi pembedahan abdomen dan menyumbang kepada hernia. Antara faktor-faktornya ialah:

- Obesiti.
- Mengangkat objek berat atau aktiviti angkat berat.
- Batuk berlamaan seperti penyakit paru-paru kronik.
- Meneran semasa buang air besar atau kecil.
- Ada cecair di dalam ruang abdomen atau ascites.

TANDA TANDA HERNIA HIRISAN

Simptom yang utama adalah bonjolan yang tiba-tiba timbul pada kesan parut pembedahan. Ia akan timbul dan hilang seperti angin pasang. Sesetengah bonjolan

ini tidak akan hilang dan bila ini berlaku, pesakit akan mengadu kesakitan.

Bila kantung hernia tersebut mengandungi usus kecil atau besar, pesakit akan mengalami "intestinal obstruction" dan akan mengalami masalah kembung perut. Keadaan ini memaksa pesakit terpaksa menjalani pembedahan untuk mengelakkan usus terbocor.

Ada yang datang dengan gejala dan tanda-tanda yang teruk seperti bonjolan yang sakit (incarcerated). Kulit luar mungkin kelihatan merah kehitaman dan pesakit mungkin demam. Ini adalah akibat kandungan bonjolan seperti usus telah mengalami kekurangan bekalan darah akibat himpitan (jerutan) salur darah biasanya di lubang bukaan hernia. Ia dikenali sebagai angin pasang terbelit (strangulated hernia) dan memerlukan pembedahan serta-merta untuk mengelakkan usus menjadi hitam atau ischaemia.

Seperti hernia yang lain, diagnosis dapat dilakukan terlebih dahulu dari pesakit, terutamanya sejarah pembedahan mereka. Apabila membuat pemeriksaan fizikal pada insisi di abdomen, terdapat kelemahan di insisi tersebut dan bonjolan akan terkeluar dari insisi jika pesakit diminta untuk berbatuk.

Bonjolan ini akan lebih ketara apabila pesakit di suruh berdiri. Ujian radiologi

seperti CT abdomen adalah cara yang lebih terperinci dan jelas untuk melihat dengan lebih jelas hernia ini.

Bilakah pembedahan perlu di lakukan untuk hernia incisional ini? Hernia incisional ini mungkin memerlukan pembedahan jika:

- Ia terus membesar dari semasa ke semasa.
- Ia sangat besar.
- Bonjol kekal walaupun pesakit bersantai atau berbaring.
- Hernia menyebabkan kesakitan sehingga mengganggu aktiviti harian.

RAWATAN

Lazimnya pembedahan terpaksa dilakukan sekali lagi di mana lapisan abdomen diperketatkan dengan jaring (mesh) untuk mengelakkan hernia ini berulang. Kebiasaan pembedahan ini sedikit sukar dilakukan akibat kesan pembedahan sebelumnya di mana kecederaan usus boleh berlaku.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah hernia hirisan ini, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.**



HERNIA hirisan





Image credit: drandrewku.com.au



HERNIA repair

Pengendali kren jual senapang tiruan dicekup



ABDUL Majid (dua dari kiri) menunjukkan senapang angin tiruan yang dirampas susulan penahanan seorang lelaki berusia 37 tahun di Kuala Sungai Baru, Alor Gajah. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Siti Salehah

AYER KEROH - Seorang pengendali kren ditahan bersama tujuh laras senapang angin tiruan dalam serbuan di sebuah rumah, di Kuala Sungai Baru, Alor Gajah, di sini, 4 Jan lalu.

Ketua Polis Melaka Datuk Wira Abdul Majid Mohd Ali berkata, suspek lelaki be-

rusia 37 tahun itu ditahan kira-kirajam 1.15 petang hasil risikan yang dijalankan pasukan polis.

Beliau berkata, dalam serbuan itu polis merampas tujuh laras senapang angin menyerupai senjata sebenar selain peralatan senjata itu termasuk peluru.

"Senjata dijalankan mendapat senjata ini diimport oleh suspek dari luar ne-

gar secara tidak sah sebelum dibawa kerumahnya untuk pembungkusan sebelum dijual.

"Senapang itu dijual dengan harga RM3,500 setiap satu dan suspek dikatakan akan mengajar cara pemasangan menggunakan video kepada pelanggannya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang

media yang turut dihadiri Ketua Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) negeri Asisten Komisioner Azlan Abu di Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Bukit Beruang, di sini, pada 6 Jan.

Menurut beliau, semakan turut mendapati suspek adalah penjenayah tegar selain turut mempunyai tiga rekod jenayah lampau termasuk kesalahan sama.

"Dia licik kerana tidak mengiklankan di media sosial sebaliknya menggunakan kenalan untuk mencari pelanggan."

"Suspek dipercayai sudah terbabit dengan kegiatan ini sejak dua tahun lalu dan sudah menjual empat hingga lima laras senapang itu," katanya.

Abdul Majid berkata, pihak polis tidak menolak kemungkinan senapang angin tiruan itu digunakan untuk tujuan jenayah kerana peluru digunakan boleh menyebabkan kematian.

"Ia bukan peluru biasa tetapi boleh sebabkan kematian malah uji tembak dilakukan mendapat ia boleh mengancam nyawa."

"Polis juga sedang mengesahkan pembeli selain akan memanggil mereka untuk tujuan siasatan selain bagaimana peralatan senjata tiruan itu dibawa masuk ke negara ini juga masih dalam siasatan lanjut," katanya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, suspek yang bekerja sebagai pemandu kren direman sehingga 8 Jan bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 8 Akta Senjata 1960.



TENDER

Tender adalah dipelawa kepada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dan Lembaga Pembangunan Malaysia (LPPIM/CIDB) dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berkaitan :-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	TEMPAT DAN TARikh DOKUMEN DI JUAL	SYARAT PENDAFTARAN	TARikh DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	TARikh TUTUP TENDER
CADANGAN PEMBINAAN JALAN PERSIMPANGAN UTAMA 132', 66' JALAN SUSUR 40' DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DI ATAS TANAH LOT PT4299 (LOT BARU 5230)(MILIK TELEKOM) MUKIM AYER PANAS, DAERAH JASIN, MELAKA	RM 500.00 (Tidak Akan Dikembalikan)	PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA NO 40-48, JALAN BKD 27, TAMAN BUKIT KATIL DAMAI 2, 75450 BUKIT KATIL, MELAKA	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Gred G4 (Pengkhushus B, CE,), (SPKK)	Jumaat 14 Januari 2022 Jam 10.00 Pggi. Berkumpul di tapak Rumah Mampu Milik Jasim Bestari, Jasim Melaka (Lawatan Tapak adalah DIWAJIBKAN)	Jumaat, 4 Februari 2022 pada jam 12.00 tengahari (Tender yang lewat tidak akan diterima)

Naskah Meja Tawaran boleh dibeli di Pejabat PERTAM, No 40-48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, 75450 Bukit Katil Melaka pada waktu pejabat bermula 14 Januari 2022. Bayaran Dokumen Tender hendaklah dibuat dalam bentuk tunai / Draf Bank di atas nama **PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA** atau **PERTAM** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Kontraktor dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Asal Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan satu salinan bagi sijil tersebut semasa membeli dokumen tender. Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan hendaklah dihantar secara serahan tangan dengan dimasukkan ke dalam peti tender di alamat :

**NO 40-48, JALAN BKD 27,
TAMAN BUKIT KATIL DAMAI 2,
75450 BUKIT KATIL, MELAKA.**

NO TELEFON : 06-2347041 NO FAX : 06-2347030



Beri alasan hujan 'tidur' di hotel bajet

ANTARA pasangan yang ditahan dalam operasi sempena sambutan tahun baharu di sebuah hotel bajet sekitar Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

MELAKA - "Saya sudah biasa pulang pukul 3 atau 4 pagi tiada masalah, emak pun tidak marah."

"Ini pun sebab hujan jadi kami terpaksa tidur di hotel sementara hendak tunggu siang," itu kata seorang remaja perempuan yang ditahan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) dalam Operasi Ambang Tahun Baharu, awal pagi, 1 Jan lalu.

Remaja perempuan berusia 17 tahun itu dari Senawang, Negeri Sembilan, ditahan di sebuah hotel bajet di Taman Merdeka bersama dua rakan lelakinya.

Ketua Pengukuhan JAIM Akmal Nadzim Abdullah berkata, selain tiga remaja itu turut ditahan dalam operasi sama dualagi pasangan bukan muhrim selepas didapat bersekutukan.

Katanya, dalam operasi lebih tiga jam itu yang berakhir jam 3 pagi, seramai 18 pengukuhan JAIM digerakkan ke beberapa hotel

bajet di sekitar Melaka Tengah bagi menjalankan pemeriksaan.

"Ketika operasi dijalankan pihak pengukuhan mendapati mereka ini berdua-dua dan bersama pasangan bukan muhrim."

"Malah adayang memberi alasan mereka sudah bertunang. Kami menahan tujuh individu termasuk empat lelaki dan kesemua mereka berusia antara 17 hingga 25 tahun," katanya.

Terdahulu operasi itu turut disertai Pengarah JAIM Datuk Che Sukri Che Mat.

Menurutnya, kesemuanya yang ditahan akan dibawa ke Pejabat JAIM bagi siasatan lanjut dan rakaman percakapan.

"Untuk tiga remaja itu kita akan memanggil ibu bapa atau penjaga sebelum mereka dibebaskan dengan jaminan."

"Kesemuanya ini akan disiasat mengikut Seksyen 53 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1951," katanya.

'Abang Viva' kini sebahagian warga APM

Norizan Muhib

ALOR GAJAH - 'Abang Viva' atau nama sebenarnya Azwan Omar kini bergelar anggota sukarelawan dan menjadi sebahagian daripada warga Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Pengarah APM Melaka, Lt Kol (PA) Cuthbert John Martin Quadra berkata, Azwan, 29, akan menjalani beberapa siri kursus dan latihan penyelamatan yang disediakan APM selepas ini.

"Kita mahu Azwan mendalami ilmu penyelamatan ini dan kita syor ianya menjadi sebahagian daripada warga oemerlang pertahanan awam khususnya di

Melaka.

"Ini bermakna, khidmat yang diberikan lebih berstruktur, bermula sebagai sukarelawan memandangkan ketika ini beliau (Azwan) mempunyai kerja hakiki."

"Jadi sekiranya ada waktu terluang, bolehlah beliau bersama kita (APM) sebagai sukarelawan pasukan pertahanan awam bagi memberi khidmat kepada masyarakat selepas ini," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Terdahulu APM Melaka diketuai Cuthbert mengunjungi Azwan di rumahnya dekat Taman Pengkalan Indah, di sini bagi menyampaikan sijil penghargaan dan

menawarkan kepadanya sebagai anggota sukarelawan pertahanan awam.

Kata Cuthbert, pihaknya akan membantu Azwan menjalani latihan penyelamatan yang lebih tersusun dan bersistematis agar beliau lebih bersedia serta berkeyakinan dalam menjalankan tugas sukarelawan kepada masyarakat nanti.

"Kita akan melatih beliau mengikuti kursus penyelamatan yang lebih lengkap serta menjalani latihan demi latihan supaya bila dia turun memberi khidmat di tempat bencana nanti, dia lebih bersedia dan berkeyakinan."

"Ini kerana pada masa itu Azwan sudah lebih



PENYERAHAN sijil penghargaan oleh APM Melaka Kepada Azwan Omar.

bersedia dan yakin kerana telah dilengkapi dengan ilmu pengetahuan dan pelbagai skil pertahanan awam," katanya.

Katanya, melalui khidmat sukarelawan itu, Azwan layak menerima elauan tugas mengikut tempoh masa khidmat yang diberikan.

Pada masa yang sama, beliau mempelawa lebih

ramai golongan muda seperti Azwan agar tampil menawarkan diri menyertai pasukan pertahanan awam dan terlibat dengan tugas sukarelawan dalam memberi khidmat bakti kepada masyarakat yang ditimpa bencana seperti kejadian banjir yang berlaku baru-baru ini.



SHA'ARI (dua dari kiri) menerima sijil pengiktirafan Malaysia Book Records mewakili kerajaan negeri selepas Melaka merekodkan penyediaan kuih bakar terpanjang di Malaysia.

'Kuih Bakau' Melaka cipta rekod

ALOR GAJAH - Melaka mencipta Malaysia Book of Record apabila menghasilkan kuih bakar terpanjang di Malaysia menerusi Melaka Food Fiesta 2022.

Program anjuran kerajaan negeri menerusi Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) itu berjaya menghasilkan susunan sebanyak 1,800 biji kuih bakar sepanjang 207.7 meter.

Pengurus Besar BPP, Sha'ari Basiron berkata kesemuanya kuih bakar itu merupakan hasil tangan masyarakat tempatan.

Katanya, hasil jualan kuih bakar tersebut akan disalurkan kepada Tabung

Misi Bantuan Pasca Banjir Melaka.

"Ini merupakan satu kebanggaan kepada Melaka kerana berjaya memecahkan rekod Malaysia Book Of Record secara keseluruhan dengan penghasilan kuih bakar ini."

"Hari ini (1 Jan) kita adalih 1,800 kuih bakar yang mana ia akan dijual pada harga RM5 untuk dua biji."

"Kita akan buat jualan amal dan kita harap sebahagian hasil jualan kita dapat menyumbang kepada misi bantuan banjir," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media

selepas menerima sijil penganggerahan Malaysia Book Of Record pada program Melaka Food Fiesta 2022 di Dataran Keris, di sini, 1 Jan lalu.

Mengulas lanjut, beliau berkata, penganggeran Melaka Food Fiesta dengan kerjasama Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan Majlis Perbandaran Alor Gajah itu antara lain bertujuan produk makanan tradisional.

Katanya, antara makanan tradisional yang dikehendaki termasuklah dari etnik Baba dan Nyonya, Chetti, Melayu dan lain-lain.

Rumah Teres 2 Tingkat Taman Bukit Beruang Indah



興地發展有限公司
HAMPSTEAD
DEVELOPMENT SDN BHD (212218-M)
Hampstead Development Sdn Bhd
No. 1A-9, Jalan Kesidang 3/11, Bachang Mall,
Off Jalan Tun Perak, 75300 Melaka.
www.chiphock.com / hampsteaddsb@gmail.com / 06-3372505/7/9



PEMANDANGAN mendamaikan restoran dari tingkat dua.

Kafe 'tersembunyi' tengah bandar

Fiqa Jamal

KOTA LAKSAMANA - Siapa sangka di sebalik kesibukan dan kesesakan Bandar Melaka terdapat sebuah restoran ala barat yang tersembunyi dari mata kasar?

Terletak di Jalan Kota Laksamana, Melaka, restoran The Hidden Via Sanji ini akan memberikan kelainan buat pengunjungnya.

Mana tidaknya, jika dilihat pada luar kedai mesti disangka hanya bangunan pejabat biasa tetapi ia lebih dari itu.

Berkonsepkan tersembunyi dari pandangan orang luar, semestinya restoran ini akan menjadi 'port' mereka yang ingin berjumpa secara rahsia.

Menurut pemilik Restoran, To Chin Swee, 34 berkata, selain keunikian konsep 'hidden' itu sendiri, fokus utama yang ingin diketengahkan dalam restoran itu adalah penyatuan pelbagai bangsa dan peringkat usia di dalam satu restoran.

"Kalau di Eropah, kedai berkonsepkan hidden atau sembunyi ini sudah banyak, jadi menarik konsep itu diketengahkan menerusi sebuah restoran atau kedai makan."

"Meskipun konsepnya tersembunyi, namun restoran ini terbuka kepada semua lapisan dan golongan, makanan yang disajikan juga halal dan berpatutan."

"Saya nak jadikan restoran ini tempat penyatuan semua bangsa boleh duduk sekali, makan, lepak, borak, dan sebagainya, kita wujudkan konsep tersembunyi ini sebab ia lain dari yang lain," katanya ketika ditemui di



restorannya baru-baru ini.

Selain itu, Chin Swee yang lebih mesra dikenali dengan panggilan 'Pakcik' di TikTok berkata, bermula dengan hanya 69 pengikut, kelebihan tagline #KamiSempoi memberi lonjakan bilangan pengikutnya kepada hampir setengah juta.

Ia sekali gus memberikan idea untuk mengadakan pertemuan bersama pengikutnya di restoran tersebut.

Ujarnya, keputusan beralih daripada bidang pembuatan kotak kepada perkhidmatan 'Food and Beverage' bukanlah sesuatu yang mudah untuk diusahakan tanpa satu gabungan pasukan yang mantap.



PINTU yang tersembunyi untuk masuk ke restoran The Hidden Via x Sanji di Kota Laksamana.

Menurut anak kelahiran Telok Mas itu, konsep tersembunyi itu merupakan idea asal pemilik restoran yang lama namun dia hanya menambah baik konsep asal tersebut.

Ujarnya, nama terbaru restoran itu adalah Hidden Via x The Sanji, di mana The Sanji merupakan gabungan enam Chef dan tukang masak yang terdiri daripada mereka yang berpengalaman lebih 10 tahun dalam bidang masakan.

Seerti restoran biasa yang lain, restoran

ini juga menjual pelbagai variasi kek sebagai pemanis mulut selain makanan berkonsepkan barat turut dijual di sini.

Buat anda yang suka bergambar dan gemar dengan tema retro ala-ala 80-an, setiap sudut dalam restoran ini sangat sesuai untuk kaki foto mengabdikan kenangan di sini.

Jika anda ingin singgah dan bersantai di restoran ini, operasinya adalah dari jam 12 tengahari hingga 10 malam setiap hari kecuali Isnin.

Undur diri atas rasa tanggungjawab - Cheng Hoe



CHENG Hoe memilih untuk melepaskan jawatan susulan kegagalan membawa skuad Harimau Malaya melangkah ke final Piala AFF 2020.

"SAYA perlu beri laluan kepada individu yang mungkin lebih arif untuk bawa skuad kebangsaan ke satu tahap lebih baik".

Itu penjelasan Tan Cheng Hoe berhubung keputusannya melepaskan jawatan Ketua Jurulatih skuad Harimau Malaya selepas empat tahun menggalas tanggungjawab itu sejak dilantik pada Disember 2017.

Cheng Hoe mengakui ia adalah keputusan yang berat untuk dilakukan, namun tindakannya itu sebagai mengambil tanggungjawab atas kegagalan pasukan negara pada kempen Kejuaraan Piala Persekutuan Bola Sepak ASEAN (AFF) 2020 di Singapura, baru-baru ini.

"Saya tahu FAM (Persatuan Bolasepak Malaysia) letak sasaran

untuk saya ke final Piala AFF dan saya tidak mencapai sasaran tersebut, jadi itulah sebab saya meletak jawatan.

"Memang keputusan ini saya ambil masa yang panjang untuk berfikir, fikir lebih jauh tentang karier saya dan juga reputasi sebagai jurulatih perlu saya jaga.

"Mungkin ada orang lain mampu menggalas tugas itu lebih

baik daripada saya," kata pengendali berusia 53 tahun itu.

Beliau turut menafikan keputusannya melepaskan jawatan itu dipengaruhi pelbagai desakan susulan kegagalan skuad kendaliannya di Singapura.

Ketika ditanya apakah memori paling manis sepanjang bersama pasukan negara, Cheng Hoe berkata tempoh 2018 hingga 2019 adalah kemuncak kariernya yang menyaksikan skuad kebangsaan berjaya mara ke final Piala AFF 2018.

"...dan pada 2019 kita mampu capai sasaran terbaik dalam kelayakan Piala Dunia 2022/Piala Asia 2023, kemenangan berturut-turut terhadap Thailand dan Indonesia dan kita juga lihat corak permainan pasukan berada pada satu tahap yang cukup baik," katanya.

Cheng Hoe pada masa sama berkata beliau hanya ingin berhati-hati dan meluangkan masa bersama keluarga sebelum kembali semula ke kancang kejurulatihan.

"Setakat ni tiada apa-apa taruhan dan buat sementara saya nak relaks dan tumpukan kepada keluarga kerana disebabkan bola sepak saya tinggalkan keluarga lama juga," kata jurulatih kelahiran Kedah itu.

Terdahulu, FAM dalam keadaan 3 Jun lalu memaklumkan Cheng Hoe yang mempunyai kontrak bersama skuad kebangsaan

sehingga penghujung 2022, mengambil keputusan melepaskan jawatannya berikutan kegagalan skuad kebangsaan melangkah ke pusingan separuh akhir Piala AFF 2020 bulan lepas.

Pada kempen kejuaraan itu, Malaysia yang turun selaku naib juara edisi 2018 gagal melangkah ke peringkat kalah mati selepas menamatkan saingan Kumpulan B di kedudukan ketiga di belakang Indonesia dan juara bertahan Vietnam.

Skuad kebangsaan yang melaui tempoh persiapan singkat dan mencabar terutama dari aspek ketersediaan pemain, memulakan kempen dengan cemerlang apabila membenam Kemboja 3-1 dan Laos 4-0, namun tewas di tangan Vietnam 0-3 dan Indonesia 1-4.

Nama Cheng Hoe kemudian hangat diperkatakan susulan kegagalan itu dengan rata-rata peminat menyifatkan ia sebagai kemuncak kepada kemerosotan prestasi pasukan negara sepanjang di bawah bimbingannya.

Prestasi terbaik skuad kebangsaan di bawah Cheng Hoe adalah pada musim 2019 apabila pasukan negara merekodkan sembilan kemenangan dalam keseluruhan 13 perlawanan, termasuk aksi persahabatan Tier 1 dengan empat daripadanya menewaskan pasukan di ranking lebih tinggi pada ketika itu.- BERNAMA

IKLANEKA
Mhi

PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936

MELAKA HARI INI

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka TV

AUTOMOTIF Kereta Motosikal Trak Bas Lori	 HARTANAH Perumahan Rumah Kedai Lot Tanah	KERJAYA Sepenuh masa Separuh masa Latihan Skim Graduan	KLASIFIKASI AM Perkhidmatan Kecantikan Kesihatan Perabot
 NOTIS Lelongan Guaman Kewangan Tender Notis Am	 N	 K	 L

Sukan

MELAKA HARIINI



>>

Cheng Hoe
letak
jawatan

23

MANUEL Ott (dua dari kanan),
Kumaahran (kanan) dan Gomes (kiri)
antara yang turut meninggalka
Melaka United.



Tiada lagi kelibat Apek, Ott



KHAIRUL Fahmi Che Mat akhirnya membuat keputusan meninggalkan Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) selepas empat tahun menabur bakti di bumi Hang Tuah.

Diayang juga bekas kapten pasukan kini membuat keputusan berhijrah menyertai Sabah FC bagi menyertai skuad kendalian Datuk Ong Kim Swee.

Khairul Fahmi atau lebih dikenali sebagai Apek dalam ucapan perpisahannya mengucapkan terima kasih kepada seluruh pasukan dan pihak pengurusan sepanjang berada di Melaka.

Katanya, walaupun tidak lagi bersama pasukan, namun ia bukan penamat untuknya bersama Melaka United.

"Masa saya bersama Melaka United telahpun berakhir untuk tahun 2021. Melaka

ibarat rumah ke-2 saya selepas Kelantan.

"Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pengurusan Melaka United FC dan FA, terima kasih kepada semua kakitangan yang telah berkhidmat selama 4 tahun, kepada barisan kejurulatih Mazlan Wahid, Mohd Asri Ninggal, Md Noor Derus dan terutama sekali Zainal Abidin Hassan yang telah banyak membantu saya dalam perjalanan saya bersama Melaka United."

"Banyak kenangan manis dan pahit bersama terutama dengan rakan-rakan sepasukan yang baik di dalam dan di luar padang, setiap perjalanan ada penghujungnya tetapi ini bukan penamat bagi saya bersama Melaka United," katanya.

Dalam pada itu, Apek turut mengucapkan terima kasih kepada semua penyokong Melaka United yang sentiasa memberi sokongan di saat jatuh dan bangun.

"Jutaan terima kasih kerana menyokong

saya selama ini dan saya benar-benar memohon maaf kerana tiada pencapaian membanggakan yang dapat saya hadiahkan," katanya lagi.

Selain Khairul Fahmi, turut meninggalkan pasukan ialah pemain tengah Manuel Ott, yang kini menyertai Terengganu FC.

Selain itu, Melaka United turut mengumumkan sembilan lagi pemain yang tidak bersama skuad Hang Tuah musim depan.

Mereka ialah Giovane Gomes da Silva, SKumaahran, Ahmad Solehin Mamat, Khairul Helmi Johari, Gary Steven Robbat, Jasmir Mehat, Farid Azmi, Amirul Hamer dan Shyamierul Razmee Jasmi.

KHAIRUL Fahmi memilih bawa cabaran baharu bersama Sabah FC musim 2022.